

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 43 RABU 22 OKTOBER, 1969 1389 رابو 10 شعبان PERCHUMA

D. Y. M. M. SERU IBU-BAPA DAN GURU2 AGAR MEMIMPIN PENUNTUT2 DI-ATAS LANDASAN YG. DI-HALALKAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah bertitah bahawa penuntut2 hendaklah diberi fahaman yang mendalam mengenai dengan hasrat dan chita2 Baginda untuk menjadikan Islam sa-bagai suatu chara hidup bagi kesempurnaan raayat negeri ini.

Baginda bertitah juga bahawa sa-tiap raayat yang taat setia-nya tidak berbelah bahagi kepada Negeri Brunei Darus-salam dengan tidak mengira bangsa dan Ugama hendaklah memahami dengan sempurna-nya akan hasrat dan chita2 itu.

Sa-tiap tindakan dan usaha, titah Baginda, hendaklah dibuat bagi menuju ka-arrah matalamat itu dan raayat yang telah dewasa mahu-lah mengadakan penyesuaian2 dalam sa-tiap tindakan kebajikan supaya hasrat itu dapat di-chapai sa-chara terator dan sempurna.

Baginda bertitah demikian sa-jurus sa-belum menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan membacha kitab suchi Al-Quran Peringkat Negeri yang berlangsung pada 18 Oktober lepas di-Lundang Masjid Omar Ali Saifuddin.

IDEOLOGI NEGARA

Duli Yang Maha Mulia berharap supaya penuntut2 di-negeri ini di-beri pelajaran yang sa-chukup-nya berhubung dengan hasrat Baginda itu dan hendaklah di-jadikan perkara yang terpenting kerana ia merupakan ideologi negara.

“Kerasmian Ugama Islam bukan saja telah terchatet dengan nyata-nya dalam Perlembagaan Negeri Brunei bahkan mereka yang menganut atau mereka Umat Islam dalam Negeri Brunei telah digalakkan dengan rasmi-nya pada mempelajari Ugama Islam yang sabenar-nya dari

(Lihat Muka 8)



D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan nasihatkan penuntut2 supaya jangan dedahkan fikiran kpd. anasir2 yg. memisongkan

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah menyeru penuntut2 di-negeri ini supaya sentiasa menumpukan perhatian yang sapenoh2-nya kepada pelajaran dan ilmu pengetahuan.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa tugas penuntut ia-lah belajar, belajar untuk melayakkan diri bagi memainkan peranan penting di-masa2 akan datang.

“Ada-lah di-perchayai bahawa peranan penuntut2 yang ada sekarang ini di-bangku2 sekolah akan lebeh berat daripada peranan orang2 dewasa sekarang”, sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Peraduan Membacha Al-Quran Sa-Negeri Brunei yang ber-

langsong di-Lundang Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam hari Khamis, 16 Oktober lepas, Duli Yang Teramat Mulia menekankan:

“Brunei sedang pesat dengan perkembangan-nya dan segala perkembangan dan kemajuan yang di-usahakan sekarang ini akan menghendaki tenaga yang laila berkebolehan dan ber-pengalaman.”

Peranan ini, sabda Duli Yang Teramat Mulia, tiada lain yang akan memikul-nya sa-lain daripada laila penuntut2 yang ada sekarang ini di-bangku sekolah.

“Dari itu, kalau perhatian penuntut2 terpesong atau pun di-pesongkan tentu-lah perkara itu akan mengechewakan — kerana kita akan kechewa daripada ujud-nya suatu ang-

(Lihat Muka 8)

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah bertitah sa-belum menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan membacha Al-Quran peringkat negeri. Dudok di-barisan depan dari kiri ia-lah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Zain, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Di-Raja Sahibon Nabalah Pengiran Anak Haji Khamis.

Latehan men embak

PASOKAN askar 2/2 Gurkha Rifles akan mengadakan latehan menembak dengan menggunakan peluru2 betul di-padang tembak baru Binta-turan, Tutong di-antara 22 Oktober ini hingga 8 Nobember, 1969.

Semua penduduk2 ada-lah di-nasihatkan supaya menjauhkan diri dari kawasan bahaya padang tembak itu yang mana di-beri tanda di-atas semua jalan2 besar menuju ka-kawasan tersebut.

Jika merasa sangsi, semua penduduk2 ada-lah di-nasihatkan supaya pergi dan melihat di-Pejabat Pegawai Daerah Tutong di-mana mereka boleh melihat kawasan bahaya padang tembak di-tandakan.



D.Y.M.M. ketika melafadzkan titah di-upacara penyampaian hadiah peraduan Al-Quran.

Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Zain ketika menyampaikan ucapan bagi mengalu2kan keberangkatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan untuk berchermarduli bagi menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan tersebut. Kelihatan duduk di-barisan depan ia-lah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Y.A.B. Menteri Besar, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong.

TITAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGERI BRUNEI DALAM MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH2 PERADUAN MEMBACHA AL-QURAN SA-NEGERI PADA 18HB OKTOBER, 1969



BISMILLAH-hirrahman-nirrahim.

Al-hamdulillah shukor ka-hadzarat Allah Subhanahu wataala kerana memberi taufik dan hidayah kepada kita untuk membuat usaha2 yang berkebajikan, s e l a w a t serta salam kepada Junjongan kita Saidina Muhammad s.a.w. serta sahabat2 dan pengikut2 Baginda sekalian.

Beta terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Pengurus dan Ahli2 Jawatankuasa Peraduan Membacha Al-Quran sa-negeri tahun 1969 yang telah sudi menjemput beta untuk bersama2 mengikuti di-dalam majlis Peraduan Membacha Al-Quran Peringkat Negeri dan juga di-atas ingatan baik mereka yang memberi peluang kepada beta untuk menyampaikan titah serta saterus-nya menyampaikan hadiah2 kepada para pemenang dan peserta peraduan ini.

Beta sangat-lah sukachita mendengar bahawasa - nya Kelas2 Membacha Al-Quran sedang di-buka dengan giat-nya di-Kampong yang mana kelas2 itu berjalan berganding bahu bersama2 dengan Kelas2 Dewasa Ugama, maka dengan ada-nya Kelas2 Membacha Al-Quran itu terbuka-lah peluang

yang sa-luas2 - nya kepada raayat beta yang beragama Islam di-negeri ini untuk memperelokkan lagi bacaan Al-Quran mereka di-samping menambah ilmu pengetahuan mereka berhubung dengan pembacaan Al-Quran. Maka beta berharap semoga raayat dan penduduk yang beragama Islam di-negeri ini akan mengambil dan menggunakan peluang dan kesempatan itu dengan sa-baik2-nya.

Memang-lah menjadi hasrat dan chita2 beta supaya Islam di-jadikan suatu chara hidup yang lengkap dan sempurna bagi Negeri Brunei Darus-salam yang di-kasehi ini, dan supaya sa-tiap raayat negeri ini yang taat setia-nya tidak berbelah bahagi kepada Negeri Brunei Darus-salam dengan tidak mengira bangsa dan Ugama hendak-lah memahami dengan sempurna-nya akan hasrat dan chita2 itu, serta sa-tiap tindakan dan usaha hendak-lah di-buat bagi menuju ka-araf matalamat itu bagi mencapai-nya, mudah-mudahan kita akan mendapat hasil dan faedah, baik di-dunia mahu pun di-akhirat.

Sa-benar-nya untuk mencapai hasrat dan chita2 itu, bagi raayat yang telah dewasa mahu-lah mengadakan laila kesejahteraan penyesuaian2 dalam sa-tiap tindakan kebajikan laila hasrat itu akan di-chapai sa-chara terator dan sempurna.

Dalam segi persekolahan, perkara ini sangat-lah penting, penuntut2 hendak-lah di-beri fahaman yang mendalam mengenai dengan hasrat tersebut dan di-beri pelajaran yang sa-chukup-nya berhubung dengan perkara itu.

Dan dia hendak-lah di-jadikan perkara yang penting kerana ia merupakan ideoloji negara yang mana kerasmian Ugama Islam itu bukan saja telah terchatet dengan nyata-nya dalam Perlembagaan Negeri Brunei bahkan mereka yang menganut atau mereka umat Islam dalam Negeri Brunei telah di-galakkan dengan rasmi-nya pada mempelajari Ugama Islam yang sa-benar-nya dari semenjak Awang Alak Betatar menjadi Sultan.

Oleh itu ada-lah merugikan jika sakira-nya penuntut2 yang maseh di-bangku sekolah terpesong daripada perkara ini. Dan lebeh2 lagi ada-lah mendukachitakan sakira-nya penuntut2 yang maseh di-bangku sekolah di-pesongkan, atau fikiran2 mereka terdedah kepada anasir2 yang tidak di-ingini, atau mereka di-pengaruhi atau terpengaruh oleh f a h a m a n 2 atau fikiran2 yang sesat dan yang boleh mengganggu keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei Darus-salam.

Harapan beta pertama2-nya kepada ibu bapa dan penjaga2

murid2 sekolah, supaya mereka itu dapat memberi petunjuk dan pimpinan yang baik kepada anak2 mereka, supaya mereka itu sentiasa berjalan di-atas landasan2 yang di-halalkan dan menumpukan perhatian mereka sa-penoh2-nya kepada pelajaran. Begitu juga kepada guru2, mereka hendak-lah sentiasa memberi petunjuk dan pimpinan kepada murid2 mereka agar mereka itu faham akan keadaan dan kedudukan negeri Brunei yang sa-benar-nya serta menimbulkan rasa tanggung - j a w a b terhadap bangsa, benar2 chintakan keselamatan negeri dan Ugama dan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan beta.

Kapada murid2 pula khas-nya yang boleh menggunakan fikiran mereka dengan baik dan waras, mereka itu hendak-lah sentiasa menjaga diri mereka daripada sebarang anasir2 yang chuba mengambil kesempatan daripada kepanasan semangat dan hawa nafsu penuntut2 yang maseh muda yang boleh lekas terpengaruh. Dari itu hindarkan-lah diri daripada terpengaruh atau terpesong oleh perkara2 yang tidak di-ingini.

Akhir-nya beta mengucapkan tahniah kepada peserta2 yang telah berjaya memasuki pertandingan akhir Peraduan Membacha Al-Quran ini, yang mereka itu adalah Johan dan Naib Johan daripada Daerah masing2. Dan beta mendoakan supaya Negeri Brunei sentiasa berada di-dalam keselamatan dan kebahagiaan dengan mendapat taufik dan hidayah daripada Tohan.



D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan ketika melafadzkan sabda di-majlis tersebut.

SABDA D.Y.T.M. PADUKA SERI BAGAWAN SULTAN KETIKA MERASMIKAN PERADUAN MEMBACHA AL-QURAN PERENGKAT NEGERI PADA 16HB OKT. 1969

BISMILLAH-hirrahman nir-rahim.

Alhamdulillah, Beta bershu-kor kehadrat Allah Subahanahu-wataala yang memberi hidayah dan taufik-nya kepada sekalian hamba-nya yang disukai-nya, serta selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Mohammad s.a.w. beserta dengan sahabat2 dan pengikut2 Baginda sekalian.

Terlebeh dahulu Beta meng-uchapkan terima kaseh kepada Pengurusi dan Ahli2 Jawatankuasa Peraduan Membacha Al-Quran perengkat negeri yang telah menjemput Beta untuk bersama hadir dalam majlis ini serta di-atas ingatan baik mereka menjemput Beta untuk melafadzkan kata serta melakukan pembukaan rasmi peraduan ini. Semoga Allah akan terus memberi petunjuk kepada mereka dan ka-arrah jalan yang berkebaikan.

Beta sangat-lah berbesar hati di-atas ada-nya usaha2 di-negeri ini untuk mengembangkan pelajaran Membacha Al-Quran sa-chara meluas dan mendalam, yang mana beberapa guru Quran yang berkebolehan telah di-datangkan dari luar negeri untuk memimpin orang2 yang berbakat dan berkebolehan dalam bidang tersebut bagi mengelakkan lagi bachean Al-Quran mereka untuk menambah pengetahuan mereka supaya bachean Al-Quran di-negeri ini benar2 menurut yang semestinya.

Di-perhatikan bahawasa-nya pembacahan Al-Quran di-negeri ini, baik di-perengkat kanak2 ia-itu yang ternyata daripada peraduan membacha Al-Quran anak2 sekolah dan juga di-perengkat orang2 dewasa ada-lah bertambah maju, ini sangat-lah menggalakkan. Dalam pada itu, ada-lah di-harapkan supaya bachean Al-Quran akan dapat di-ketahui dengan baik-nya bukan saja oleh segelintir orang di-negeri ini bahkan hendak-lah

di-ketahui oleh seluroh pemelok2 Ugama Islam, kerana perkara tersebut tidak dapat di-elak2kan, sa-bagai mithalan — dalam sembahyang, kita orang Islam w a j i b membacha Fatihah, jadi - nya kalau kita tidak m e n g e t a h u i bachean Al-Quran atau tidak lurus mokhriy-nya atau Tajuid-nya, tentu-lah bachean dalam sembahyang itu tidak sempurna. Menyedari akan hakikat ini, ada-lah menjadi kewajipan ibu bapa dan menjadi kewajipan pemuda pemudi yang sadar supaya memimpin anak2 dan adek2 mereka untuk mengetahui dan mempelajari akan bachean Al-Quran yang betul, tertil, di-samping masing2 mengelakkan lagi bachean Al-Quran mereka sendiri.

Awang2 dan Dayang2 sekalian.

Sa-benar-nya, Beta dengan rela hati telah turun dari takhta Kerajaan, tetapi minat dan perhatian Beta terhadap chintakan dan bersungguh2 atau berhati2 pada memper-tahankan keselamatan dan kebahagiaan negeri kita Brunei Darus-salam ini tidak-lah kurang dengan minat dan perhatian Beta semasa Beta menjadi Sultan dan Yang Di-Per-tuan Negeri ini kerana itu, sa-tiap usaha untuk mencha-pai keamanan dan kemakmoran negeri ini sangatlah mengembirakan Beta dan Beta sa-terus-nya berdo'a semoga raayat dan penduduk negeri Brunei berserta dengan isi di-dalam-nya sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah serta perlindungan daripada Allah Subahanahu - wataala. Oleh itu Beta ingin membuat seruan kepada angkatan yang akan d a t a n g k h a s - nya penuntut2 yang maseh belajar di-bangku2 s e k o l a h supaya mereka itu sentiasa m e n u m p u k a n perhatian yang sepenoh2-nya kepada pelajaran dan ilmu pengetahuan, kerana tugas penuntut2 ia-lah belajar, bela-

jar untuk melayakkan diri bagi memainkan peranan yang penting yang munafa'at dan laila munasabah di-masa2 yang akan datang, kerana ada-lah di-perchayai bahawa peranan penuntut2 yang ada sekarang ini di-bangku2 sekolah akan lebeh berat daripada peranan orang2 dewasa s e k a r a n g . Sebah:

1. Kalau-lah penuntut yang maseh di-bangku2 sekolah menumpukan ketekunan dari laila hasrat hati pada mempelajari berjenis2 pelajaran yang baik bagi mendatangkan kebahagiaan, bahagia untuk keamanan pada meng-usahakan perkerjaan yang berfaedah untuk negeri dengan rajin.

2. Pada mengikhtikarkan ketenteraman pada meng-usahakan kebajikan serta-nya laila patoh kepada undang2 dan peratoran, demikian juga menurut tata disiplin yang menjadi peratoran sekolah2.

3. Kalau-lah benar2 penuntut2 saperti yang Beta sebutkan c h i n t a k a n keamanan, chintakan kebahagiaan dan keharmonian negeri, chintakan ketenteraman serta berusaha ka-arrah kebajikan pada melambangkan nama baik Negeri Brunei, patoh kepada undang2 dan peratoran dan sa - perti-nya m e n g u t a m a k a n usaha keselamatan, maka insha Allah segala usaha ikhtiar dan laila hasrat akan di-perkenankan oleh Tohan, Allah Subahanahu-wataala sa-bagaimana atau Beta sukachita menyataka di-majlis Membacha Al-Quran ini bukan saja pada penuntut2 bahkan hadirin sekalian bahawa Brunei sedang pesat dengan perkembangan - nya dan segala perkembangan dan kemajuan yang di-usahakan sekarang ini akan menghendaki tenaga yang laila berkebolehan dan berpengalaman dan tentu-lah akan menemui satu keadaan untuk memelihara dan memesatkan lagi kemajuan2 dan perkembangan2 itu, tugas ini atau peranan ini pada jangka kesejahteraan laila

merenongkan kebajikan dari segi pada melailakan pandangan bagi berusaha ka-arrah kebajikan yang munasabah di-masa2 yang akan datang, tiada lain yang akan memikul-nya selain daripada laila penuntut2 yang ada sekarang ini di-bangku2 sekolah. Dari itu, kalau perhatian penuntut2 terpesong atau pun di-pesongkan tentu-lah perkara itu akan mengechewakan, kerana kita akan kechewa daripada ujud-nya suatu angkatan orang2 dewasa di-masa yang akan datang yang yang laila berilmu pengetahuan dan ta'at setia kepada Sultan dan negerinya.

Negeri Brunei, berkehendakan orang2 yang berpengetahuan dalam segenap bidang, orang2 yang ta'at kepada Sultan dan Negeri Brunei Darus-salam dengan hati yang ikhlas insha Allah segala perhatian atau pada menumpukan hasrat laila hati ka-arrah kebajikan itu mudah2an akan mendapat kebahagiaan. Oleh yang demikian dengan hati yang ikhlas Beta berseru kepada penuntut2 yang maseh di-bangku2 sekolah supaya membaharui tekad untuk belajar untuk mempelajari ilmu pengetahuan bagi mencha-pai ketinggian ilmu pengetahuan dalam jurusan2 yang tertentu untuk keselamatan dan kebahagiaan Negeri Brunei di-masa2 yang akan datang.

Dari itu jangan-lah di-dedah-dedahkan diri dan jangan-lah fikiran penuntut2 sekalian ditumpukan atau menghiraukan apa jua jenis anasir2 yang ingin memisongkan a t a u pun memalingkan azam penuntut2 yang tersebut tadi di-samping itu ibu bapa dan penjaga penuntut2 hendak-lah mengawal laila waspada terhadap anasir2 yang jahat, pelihara-lah anak2 t u a n 2 dan puan2 dan berilah mereka kesempatan dan suatu keadaan yang layak bagi melayakkan mereka dapat megulang kaji pelajaran mereka di-rumah dengan keadaan yang wajar dan tanamkan-lah di-jiwa mereka semangat kasehkan Ugama, bangsa dan laila isi Negeri Brunei serta ta'at kepada Sultan dan Kerajaan Baginda.

Akhir-nya, Beta ingin meng-uchapkan tahniah kepada pengurusi dan jawatankuasa peraduan membacha Al-Quran di-atas usaha mereka yang tidak berhenti2 untuk mengadakan peraduan ini dari tahun katahun. Semoga Allah memberkati usaha mereka dan Negeri Brunei akan sentiasa di-lindongi oleh Tohan.

Maka dengan mendahului Bismillah hirrahman nir-rahim Beta dengan sukachita merasmikan pembukaan peraduan membacha Kitab Suci Al-Quran bagi perengkat negeri kali yang ke-9 pada malam ini.

Terima kaseh.

22hb. Oktober, 1969

MENDUKONG CHITA2 D.Y.M.M.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah bertitah bahawa memanglah menjadi hasrat dan chita2 Baginda supaya Islam dijadikan suatu chara hidup yang lengkap dan sempurna bagi Negeri Brunei Darus-salam yang kita kasehi ini.

Perkara itu, titah Baginda, hendaklah di-jadikan perkara yang penting kerana ia merupakan ideologi negara dan perasmian Ugama Islam itu bukan saja terchatet dalam perlembagaan bahkan umat Islam digalakkan pada mempelajari-nya dari semenjak Awang Alak Betatar menjadi Sultan.

Hasrat Baginda ini bukan-lah suatu perkara yang baru, malah sudah dapat di-fahamkan dari perasmian Ugama Islam di-negeri ini dan perkara ini sapatut-nya sudah dapat benar2 di-fahamkan oleh rakyat seluruhnya terutama kepada pehahak2 yang bertanggung-jawab bagi mengasoh jenerasi2 yang di-harapkan negara di-masa depan.

Sa-bagaimana titah Baginda itu, maka sudah pasti benar-lah bahawa Islam ada-lah juga merupakan ideologi negara yang sa-chara jelas mengarahkan kepada seluruh rakyat supaya sa-satu tindakan itu harus berpandukan ajaran2 yang halal yang di-redhai Allah. Tindakan2 yang di-laksanakan dengan jalan yang lurus dan benar yang penuh berkebakikan, tidak shak lagi akan dapat di-chapai sa-chara terator dan sempurna.

Baginda juga menyuarakan harapan, agar chita2 Baginda yang murni itu yang tujuan pokoknya tidak lain dari keinginan yang mendalam untuk melihat rakyat benar2 hidup dalam kerukunan dan kebahagiaan akan dapat di-salorkan dengan lebeh berkesan terutama di-kalangan penuntut2 yang bakal di-harapkan untuk mengekalkan keharuman nama Brunei Darus-salam.

Di-samping harapan Baginda itu di-tujukan kepada seluruh rakyat di-negeri ini, khasnya Umat Islam sendiri, maka ada tiga golongan yang mustahak sekali untuk sama2 berikhtiar bagi melaksanakan chita2 murni Baginda itu. Ketiga2 golongan itu ia-lah: pertama, ibubapa; kedua, guru2; dan ketiga, penuntut2 khasnya "yang boleh menggunakan fikiran mereka dengan baik dan waras.

Ibubapa dan penjaga2 murid sekolah di-harapkan dapat berusaha untuk memberi petunjuk dan pimpinan agar anak2 mereka sentiasa berjalan di-atas landasan2 yang di-hatalkan dan menumpukan perhatian penuh kepada pelajaran.

Guru2 di-harapkan sentiasa memberi petunjuk dan pimpinan kepada murid2 supaya faham akan keadaan dan kedudukan Negeri Brunei—menimbulkan rasa tanggung-jawab terhadap bangsa dan Ugama dan taat setia kepada Kerajaan.

Murid2, khasnya yang boleh menggunakan fikiran dengan baik dan waras mesti-lah menjaga diri dari di-kuasai oleh anasir2 yang chuba mengambil kesempatan dari kepanasan semangat mereka dan jangan mudah terpengaruh oleh perkara2 yang tidak di-ingini.



▲ Pemangku Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin O. K. Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Zain ketika berucap bagi mengulazkan keberangkatan D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan di-pembukaan rasmi Peraduan Membacha Al-Qur'an Sa-negeri Brunei pada malam 16 Oktober.

▼ Pengerusi Jemaah Hakim, Yang Di-Muliakan Bagawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Metali bin Matyassin ketika memberikan penerangan penghakiman dalam peraduan tersebut.



▲ Dayang Rasiyah bte Jumahat dari Daerah Brunei-Muara, johan qariah 1969.

► Awang Abdul Saman bin Kahar M. A. (Al-Azhar) ketika memberikan sharahan khas pada malam pertama peraduan tersebut.

PERADUAN MEMBACHA AL-QURAN PERENGKAT SA-NEGERI

AWANG Damit bin Haji Kawang dan Dayang Rasiyah binte Jumahat kedua2-nya peserta dari Daerah Brunei-Muara telah di-pilih sa-bagai johan qari dan qariah dalam peraduan membacha Al-Quran perengkat negeri yang telah di-adakan pada minggu lalu.

Awang Damit yang juga menjadi johan dalam tahun lalu telah mendapat markah 88½% sementara Dayang Rasiyah mendapat 81½%.

Peraduan yang berlangsung sa-lama tiga malam berturut2 itu telah di-adakan di-Lundang Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, mulai 16 Oktober, 1969.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah berchemarduli pada malam pertama dan seterusnya merasmikan peraduan tersebut.

Sa-ramai 10 orang qari dan 10 orang qariah dari ke-empat2 daerah di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Sa-lain dari di-pilih untuk mewakili negeri Brunei ka-peraduan perengkat antara bangsa yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur bulan depan, johan2 qari dan qariah itu juga akan di-hadiahkan tambang per-chuma untuk menunaikan fardhu haji ka-Mekah.

Peraduan itu juga telah di-sulami dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris, Johan qariah tahun 1968 dan sharahan khas yang masing2 di-sampaikan oleh tiga orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Abdul Hamid bin Bakal, Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Awang Abdul Saman bin Kahar, serta persembahan nasheed.

Hadiah2 kepada pemenang2 dan peserta2 telah di-sampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada malam terakhir peraduan itu.

Berikut ini ada-lah keputusan penoh peraduan tersebut:

Johan qari — Awang Damit bin Haji Kawang, Daerah Brunei-Muara (88½%); naib-johan — Awang Mornee bin Sanai, Daerah Belait (86½%) dan ketiga — Awang Haji Abdul Wahid bin Awang Besar, Daerah Brunei-Muara (86%).

Johan qariah — Dayang Rasiyah bte Jumahat, Daerah Brunei-Muara (84½%); naib-johan — Dayang Aminah bte Muhammad, Daerah Belait (78½%) dan ketiga — Dayang Aishah bte Bagawan Mudim Haji Adnan, Daerah Temburong (78½%).

Daerah Brunei-Muara telah di-pilih sa-bagai daerah yang terbaik Daerah Belait sa-bagai naib-johan, tempat ketiga ia-lah Daerah Temburong, dan ke-empat Daerah Tutong.

▼ Pemenang ketiga, Dayang Aishah bte Bagawan Haji Adnan dari Daerah Temburong.



▲ Dayang Rasiyah bte Jumahat, johan Qariah 1969 ketika menerima hadiah.

▼ Awang Mornee bin Sanai, naib johan 1969 ketika menyampaikan bacaan-nya di-malam kedua peraduan perengkat negeri.



▼ Dayang Aminah bte Mohammad dari Daerah Belait yang menyandang naib-johan sedang memperdengarkan bacaan-nya.




▲ Awang Damit bin Haji Kawang dari Daerah Brunei-Muara, johan Qari 1969 menerima hadiah dari D.Y.M.M.

▼ Awang Damit bin Haji Kawang johan qari 1969 ketika memperdengarkan bacaan-nya di-peraduan malam yang kedua.



▼ Pemandangan indah "Mahligai" yang di-bena sa-chara kekal di-Lundang Masjid Omar Ali Saifuddin bagi menempatkan sambutan2 perayaan2 yang berchorak Ugama di-mana di-tempatkan peraduan membacha Al-Quran perengkat negeri sejak tahun 1967.



(Gambar2 di-peraduan membacha Al-Quran yang kita siarkan ada-lah ikhsan dari Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei.)

BARANG di-ketahui bahawa bulan ini ia-lah bulan Shaaban, bermula tidak berapa lama lagi kita akan berjumpa kembali bulan Ramadhan, bulan yang di-idamkan oleh umat Islam yang mahukan kelebihan di-sisi Allah Subhanahu-wata'ala, kerana di-dalam bulan Ramadhan ada-lah di-gandakan ganjaran pahala kepada orang yang beramal ibadat sa-bagaimana kita sendiri telah ma'alum. Sa-lain daripada itu bulan Shaaban ini tidak-lah juga kurang kelebihan-nya.

Menurut sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Abi Daud yang bermaksud bahawasanya Nabi tidak berpuasa sa-bulan penuh pada sa-tahun, melainkan bulan Shaaban yang disambong-nya hingga Ramadhan — dan banyak lagi hadith2 yang menerangkan kelebihan2 bulan Shaaban itu.

Sa-orang sahabat bernama Anas radiallah-hu-'an pernah berkata bahawa orang2 Islam apabila masuk bulan Shaaban, mereka mengeluarkan zakat harta mereka kerana menguatkan orang2 yang dhaif dan miskin untuk berpuasa di-bulan Ramadhan dan membanyakkan membaca Quran.

Di-sini tidak-lah kita bermaksud untuk mencheritakan kelebihan bulan Shaaban, sebaliknya di-samping kita mengingati bulan Shaaban dan berchita2 akan dapat beramal ibadat dengan sa-banyak2-nya di-bulan Ramadhan yang akan datang, kita semua hendak-nya jangan lupa, khas-nya terutama sekali kepada orang2 yang maseh mempunyai hutang (qadha puasa Ramadhan tahun lepas), kerana kita hanya maseh ada berpeluang sa-bulan sahaja untuk mengqadha-nya dengan tidak di-kenakan denda (pidyah).

Di - dalam memperkatakan berkenaan dengan pidyah puasa ini, maka ada-lah di-ingatkan kepada orang2 yang maseh mengqadha puasa Ramadhan agar lekas2 membayar qadha tersebut, Kerana sa-siapa yang tidak mengqadha sa-hingga datang Ramadhan kedua-nya, dengan tidak ada apa2 keuzuran sharie, maka

orang itu mesti-lah membayar denda (pidyah) sa-banyak satu chupak pada tiap2 sa-hari dan qadha itu maseh tetap di-buat. Dan, jika sampai ka-tahun yang ke-tiga pula maka bertambah-lah denda itu menjadi dua chupak. Bagitu-lah sa-sa-terus-nya bertambah denda dengan bertambah-nya tahun jika tidak mengqadha puasanya.

Memang-lah manusia di-dunia ini sentiasa berada di-dalam peperangan jiwa-nya ia itu di-antara hawa nafsu dan shawat, sementara akal pula ada-lah menjadi hakim-nya — dan jika sekira-nya hawa nafsu itu menang, maka hampir-lah ia kepada perbuatan2 yang di-larang oleh Allah — ia-itu dengan lain perkataan bahawa sa-tiap yang telah melakukan maksiat ia ia telah tertaklok di-bawah

KHUTBAH JUMA'AT

CHUMA TINGGAL SA-BULAN SAHAJA MASA YANG BAIK UNTUK MEMBAYAR HUTANG PUASA TAHUN LEPAS

“Di-ingatkan kepada umat Islam yang maseh mengqadha Puasa Ramadhan tahun lalu agar lekas2 membayar qadha-nya supaya terlepas dari denda yang bertambah2”.

hawa nafsu dan lemah-lah fikiran dan iman-nya yang mana di-sipatkan bahawa hawa nafsu dan shawat itu ada-lah sa-besar2 musuh untuk membawa manusia ka-jalan yang selamat dan bahagia.

Akhir-nya, mari-lah kita bersama2 memerangi dan mengamati2 musuh2 yang ada pada diri kita sendiri supaya tidak membawa kebinasaan diri kita sendiri di-dunia dan di-akhirat.

Jalan Kasat selesai di-buboh batu

BANDAR BRUNEI.—Kerja2 membuboh batu ka-atas Jalan Kasat telah selesai baru2 ini.

Kira2 6,000 cubik ela batu kelikir tempatan yang belum di-pecahkan telah di-gunakan untuk menambak jalan yang panjang-nya hampir2 lima batu itu.

Projek luar bandar yang di-laksanakan oleh Jabatan Daerah Brunei-Muara telah di-mulakan dalam bulan Ogos tahun ini dan menelan belanja kira2 \$76,800.

\$1,111 untuk derma Gurkha

BANDAR BRUNEI.—Sa-jumlah \$1,111.70 telah diperolehi dari penjualan tiket pertunjukkan filem “Today it's me, Tomorrow you” pada 9 Oktober lepas bagi tabong

109 orang di-dapati mengidap penyakit untut

BANDAR BRUNEI.—Projek Penghapusan Malaria saat ini telah menjumpai sa-ramai 109 orang yang mengidap penyakit untut dari semenjak kempen mengesan penyakit itu di-jalankan dalam bulan Jun tahun lepas.

Penyakit tersebut berpuncha dari sa-jenis nyamok, jika ia membiak tidak di-ubat, ia-nya akan menyebabkan kaki bengkak.

Ketika mengumumkan perkara ini, Ketua Projek Penghapusan Malaria, Dr. Y. T. Wu menyatakan, dari jumlah tersebut, 60 kejadian di-dapati di-Daerah Tutong, 35 di-Daerah Belait, 8 di-Daerah Brunei-Muara dan enam di-Daerah Temburong.

Dr. Wu berkata, sunggohpun kejadian itu nampak-nya menarek perhatian, tetapi ia-nya berlaku dari satu masa ka-satu masa.

Beliau berkata, ada beberapa buah negeri yang di-se-rang oleh penyakit itu lebih besar jumlah-nya dari Brunei.

Dr. Wu berkata, dari bulan September lepas, sa-banyak 73 buah kampung telah di-lawati dan penyiasatan akan terus di-jalankan.

Beliau menyatakan bahawa langkah2 bagi menghapuskan nyamok2 yang membawa penyakit tersebut akan di-mulakan pada tahun depan.

Rawatan yang tertentu dengan menggunakan sa-jenis ubat telah di-mulakan ka-atas pengidap2 penyakit itu di-daerah2 di-Tutong, Belait dan Brunei — Muara dari semenjak awal tahun ini.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 Okt., 1969 hingga ka-hari Selasa 28 Okt. 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari					Matahari			
Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit	
22 Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05	
23 Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05	
24 Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05	
25 Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05	
26 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05	
27 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05	
28 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PERADUAN BAHATH ANJORAN PERSATUAN MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Per-satuan Melayu Keriam, Tutong — PESAKA akan menganjor-tan peraduan bahath dalam bulan November hadapan.

Pengurus peraduan, Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar berka-ta, peraduan tersebut hanya terbuka kepada persatuan2 belia di-negeri ini.

Awang Junaidi berkata, per-aduan bahath itu akan di-

KERIAM

adakan dua perengkat — ia-itu perengkat daerah dan pereng-kat negeri.

Pemenang2 dalam peraduan perengkat daerah akan di-pilih ka-peraduan perengkat negeri.

Masok menyertai peraduan tersebut akan dikenakan sa-banyak \$5.00 bagi satu pasokan.

Borang2 masok boleh di-dapati dari Awang Aliddin bin Kura, Radio Brunei, Awang Kani bin Mohammad Said, Tutong dan Awang Moham-mad Shah bin Abdul Rahman di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Borang2 yang telah di-isikan bersama2 dengan bayaran masok hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 1 November, 1969.

59 orang akan hadhiri Jambori di-Thailand

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 59 orang pengakap dan guru2 pengakap oleh tiga orang pegawai telah di-pilih mewa-kili negeri ini ka-jambori Pengakap Kebangsaan Thai-land yang ke-enam lewat tahun ini.

Mereka ini telah di-pilih dari 100 orang pengakap dan guru2 pengakap oleh sa-buah jawatankuasa khas yang di-bentuk oleh Majlis Mashuarat Pengakap Negeri baru2 ini.

Dari jumlah tersebut, sa-ramai 28 orang dari Daerah Brunei-Muara, 23 dari Daerah Belait dan lapan dari Daerah Tutong.

Rombongan pengakap terse-but akan di-ketuai keseluruh-an-nya oleh Awang Mohd. Ali bin Daud.

Jambori tersebut akan di-adakan di-Thornbury sa-lama sa-minggu mulai 11 hingga 17 Disember, 1969.

JAWATAN—JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Ketua Penterjemah

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawat-an sa-bagai Ketua Penter-jemah di - Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. **KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:**

- Mempunyai kelulus-an Sijil Persekolahan Tertinggi (Higher School Certificate) dengan mendapat Perengkat Tertinggi (Principal Level) dalam bahasa Melayu dan lulus dalam Kertas 'Am atau kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman menter-jemah sa-lama se-kurang2 - nya 10 tahun; atau
- Mempunyai S i j i l Persekolahan Sebe-rang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Me-layu dan Inggeris a t a u kelayakan2 yang sa-banding de-ngan-nya dan mem-punyai pengalaman menterjemah sa-lama sekurang2-nya 15 tahun; atau
- Mempunyai kelulus-an University yang di-akui oleh Kera-jaan atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan Gaji C. 3 EB 4 — \$930 x 30 — 1050/EB/ 1080 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kepada ke-layakan2 dan pengala-man.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan r a a y a t D.Y.M.M. Sultan akan di-beri berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percutiaan sa-lama 6 bulan. Pem-baharuan kontrek ada-

lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap ber-khidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhid-matan boleh di-peroleh daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 ka-pada Setia Usaha Kerajaan, Peja-bat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Nobe-mber, 1969.

Penjaga Asrama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 wa-nita yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Penjaga Asrama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di - antara 35 hingga 45 tahun.
- M e s t i l u l u s s e k u r a n g 2 - n y a D a r j a h I V S e k o l a h M e l a y u dan Tingkatan II Inggeris dan juga Darjah V Sekolah Ugama.

Pegawai2 Kerajaan yang

sedang berkhidmat yang mempunyai kelayakan2 berikut boleh juga me-mohon:—

- Mesti berumur di-antara 35 hingga 45 tahun dan telah ber-khidmat sekurang2-nya s a - l a m a 15 tahun;
- Mesti lulus Darjah IV M e l a y u dan mempunyai pengala-man sa-bagai guru sekolah atau sa-bagai pegawai Pandu Puteri.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 K e r a j a a n yang sedang berkhidmat hendak - lah di-hantar kan melalui Ketua2 Pe-


Ehwal Ugama

jabat siapa di-kehendaki menghantarkan lapor-an2 sulit mengenai pe-mohon2 bersama2 de-ngan satu Chatetan Per-khidmatan yang leng-kap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 EB 4-5 — \$380 x 30/ 480/EB/500 x 20 — 700. Gaji permulaan ber-gantung kepada kelaya-kan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan ka-pada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 6 Nobe-mber, 1969.



Pimpin-lah penuntut2 di-atas landasan yg. di-halalkan

(Dari Muka 1)

semenjak Awang Alak Betatar menjadi Sultan", titah Baginda.

Baginda mensifatkan sa-bagai merugikan jika sakira-nya penuntut2 yang maseh di-bangku sekolah terpesong daripada perkara tersebut.

Baginda juga mensifatkan sa-bagai mendukachitakan sakira-nya penuntut2 itu di-pesongkan dan fikiran2 mereka terdedah kepada anasir2 yang tidak di-ingini serta terpengaruh oleh fahaman2 dan fikiran2 yang sesat yang boleh mengganggu keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei Darusalam.

Baginda menumpukan harapan yang khusus kepada ibu bapa dan penjaga2 murid2 sekolah supaya mereka itu dapat memberikan petunjuk dan pimpinan yang baik kepada anak2 mereka supaya sentiasa berjalan di-atas landasan2 yang di-halalkan dan menumpukan perhatian mereka sapenoh2-nya kepada pelajaran.

Kapada guru2, Baginda berharap supaya mereka sentiasa memberi petunjuk dan pimpinan kepada murid2 mereka agar mereka itu faham akan keadaan dan kedudukan Negeri Brunei yang sabenar-nya, serta menimbulkan rasa tanggung-jawab terhadap bangsa, benar2 chintakan keselamatan negeri dan Agama — dan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan Baginda.

Kapada murid2 pula, Baginda menyeru mereka, khas-nya kapada yang boleh menggunakan fikiran mereka dengan baik dan waras, supaya sentiasa menjaga diri mereka daripada sebarang anasir2 yang chuba mengambil kesempatan daripada kepanasan semangat dan hawa nafsu penuntut2 yang maseh muda yang boleh lekas terpengaruh.

Baginda mengingatkan penuntut2 di-negeri ini supaya menghindarkan diri daripada terpengaruh atau terpesong oleh perkara2 yang tidak di-ingini.

(Titah Baginda sapenoh-nya di-siarkan di-muka 2) .



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Zain.

Ingatan mengenai anchaman kolera

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Perubatan dan Kesihatan telah mengambil langkah bagi menchehag penyakit kolera daripada masuk ka-Brunei ka-atas orang2 yang datang dari Hong Kong ka-negeri ini.

Langkah ini di-ambil berikutan tersiar-nya berita dalam surat khabar Straits Times keluaran 18 Oktober yang menyatakan Hong Kong di-istiharkan di-serang penyakit kolera sekali lagi.

Orang2 yang datang dari Hong Kong akan di-awasi sa-lama lima hari mulai dari tarikh mereka meninggalkan Hong Kong.

Langkah2 lain termasuklah chegahan kemasokan barang2 makanan seperti ikan, sotong, buah2an dan sayur2an dari Hong Kong.

Niat D.Y.M.M. menjadikan Islam suatu chara hidup yg. lengkap memerlukan tindakan2 tegas

BANDAR BRUNEI. — Keadaan pengajaran Ugama Islam di-sekolah2 seperti yang berjalan sekarang ini ada-lah memerlukan peninjauan semula untuk menchapai kemajuan yang lebeh berkesan di-masa depan.

Usaha dari sa-genap pehak ada-lah di-kehendaki untuk melaksanakan pengkajian2 itu demi untuk menjunjung niat suci Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan Islam sa-bagai suatu chara hidup yang lengkap dan sempurna di-Negara Brunei Darusalam.

Kenyataan ini telah di-buat oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-raja, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin dalam ucapan mengalu2kan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia kamajlis peraduan membacha Al-Quran Sa-Negeri pada 18 Oktober lepas di-Lundang Masjid Omar Ali Saifuddin.

Beliau menekankan bahawa niat suci Baginda itu ada-lah merupakan suatu chabaran kepada Jabatan2 Kerajaan termasuklah Jabatan Hal-Ehwal Ugama sendiri.

Beliau perchaya niat Baginda itu ada-lah di-junjung tinggi oleh seluruh rakyat dengan tidak mengira bangsa dan Ugama yang benar2 taat kepada Baginda dan menjunjung tinggi perlembagaan negeri.

Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja menyatakan bahawa untuk menchapai hasrat Baginda itu ada-lah lebeh banyak bergantung kapada usaha2 dan tindakan2 yang tegas, khas-nya bagi membentok jenerasi muda supaya mereka itu mempunyai semangat ke-Islaman yang tulen.

Beliau berkata bahawa ada-lah perlu untuk membekalkan pengetahuan yang sa-chukup-nya mengenai ajaran2 Ugama Islam di-samping ujud-nya keimanan yang kukuh terhadap kesangupan dan kekuatan Ugama Islam itu sendiri.

Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja menyedari betapa berat-nya untuk melaksanakan usaha2 itu

yang terpaksa melalui liku2 yang banyak.

"Tetapi hidup di-dalam dunia ini ada-lah merupakan perjuangan, bergerak dan bertindak sesuai dengan kesangupan dan kekuatan di-atas landasan2 yang di-halalkan dan di-redhai oleh Allah", demikian keyakinan beliau.

Pehin Orang Kaya Ranta Di-Raja perchaya bahawa niat Baginda itu akan dapat di-chapai dengan jaya-nya jika ada kemahuan yang kuat dan di-laksanakan dengan jujur oleh sa-genap pehak dengan tidak mengabaikan tugas2 yang lain.

Beliau menekankan bahawa ada-lah sangat mustahak ujud-nya rakyat dan penduduk yang benar2 mengetahui dan menjunjung tinggi akan Ugama Rasmi Negeri ini, khas-nya di-kalangan rakyat dan penduduk yang berugama Islam.

Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja telah menjelaskan kedudukan penyibaran pelajaran Ugama Islam di-sekolah2 pada masa ini yang telah terancam kelancaran-nya di-sebabkan perubahan2 yang berlaku berikutan dengan bertambah-nya bilangan murid2 sekolah.

Beliau berkata, beberapa tahun dahulu, bangunan2 sekolah2 Melayan dan Ingeris hanya di-gunakan sa-belah pagi, manakala di-sa-belah petang bangunan2 itu di-gunakan untuk Pelajaran Ugama.

Tetapi masa ini, kata beliau, kerana bertambah-nya murid2 yang baru, maka bangunan2 itu di-gunakan sa-hari suntok dan akibat-nya Sekolah2 Ugama sa-belah petang menemui suatu keadaan yang terhimpit kerana kekurangan tempat.

"Tentu-nya kerugian ini dapat di-rasakan b e r s a m a dan akibat-nya anak2 kita kurang mendapat pendidikan dan pengajaran Ugama", tegas beliau.

Walau macham mana pun Pemangku Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama itu menerangkan, usaha2 sedang di-buat untuk mengatasi perkara itu di-samping menchadangkan supaya di-jalankan pengkajian yang menghendaki usaha dari sa-genap pehak dengan kesedaran bahawa hasrat Baginda itu dapat di-chapai dengan sempurna.

Penuntut2 di-nasihatkan supaya jangan dedahkan fikiran kapada anasir2 yang memisongkan

(Dari Muka 1)

katan orang2 dewasa di-masa yang akan datang yang berilmu pengetahuan dan taat setianya kapada Sultan dan negerinya", sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia saterus-nya bersabda bahawa Negeri Brunei berkehendakkan orang2 yang berpengetahuan dalam sa-genap bidang, orang2 yang taat kapada Sultan dan Negeri Brunei Darusalam.

"Oleh yang demikian, dengan hati yang ikhlas, Beta berseru kapada penuntut2 yang maseh di-bangku sekolah supaya membaharui tekad untuk belajar, untuk mempelajari ilmu pengetahuan bagi menchapai ketinggian ilmu pengetahuan dalam jurusan2 yang

tertentu, untuk keselamatan dan kebahagiaan Negeri Brunei di-masa2 yang akan datang", sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia menasihatkan penuntut2 di-negeri ini supaya jangan mendedahkan diri dan fikiran2 penuntut2 sekalian kapada sebarang anasir2 yang ingin memisongkan atau memalingkan azam penuntut2 daripada yang tersebut di-atas.

Di-samping itu, Duli Yang Teramat Mulia juga menyeru kapada ibu bapa dan penjaga penuntut2 supaya sentiasa waspada terhadap anasir2 yang jahat.

"Pelihara-lah anak2 tuan2 dan puan2 dan beri-lah mereka kesempatan dan keadaan yang layak supaya mereka dapat mengulang kaji pelajaran mereka di-rumah dengan keadaan yang wajar.

"Tanamkan-lah di-jiwa mereka

semangat kasehkan Ugama, bangsa dan laila isi Negeri Brunei serta taat kapada Sultan dan Kerajaan Baginda", demikian sabda Duli Yang Teramat Mulia.

(Sabda Duli Yang Teramat Mulia sapenoh-nya dapat di-ikuti di-muka 3).

Di-tegah bermain layang2

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Penerbangan Awam telah melarang orang ramai daripada bermain layang2 (kikek) di-sekitar kawasan lapangan terbang Berakas.

Kawasan larangan itu ada-lah mengandungi lingkungan

1½ batu dari lapangan terbang itu.

Kawasan itu ada-lah mengandungi Kampong Gadong, Kampong Burong Pingai Berakas, Kampong Setia Jaya, Perpindahan Berakas dan Kampong Delima Satu dan Dua.